

AL-HIKMAH

Jilid	11	ISSN 1985-6822	2019
No.	1		1441

- APLIKASI PROGRAM ATLAS.TI DALAM PENYELIDIKAN KUALITATIF BIDANG PENGAJIAN ISLAM: SUATU CADANGAN AWAL... 3-21
Mohd Faiz, Mohamed Yusof & Nurhanani Romli
- LAKUAN LOKUSI GURU AGAMA BANGSA MELAYU... 22-40
Muhammad Zuhair Zainal, Mohd Farid Mohd Sharif, Md Baharuddin Abdul Rahman & Al-Amin Mydin
- DAKWAH SYEIKH NAZIM AL-QUBRUSI: ANTARA PENERIMAAN DAN PENOLAKAN... 41-59
Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Mohd Haidhar Kamarzaman & Kamarudin Salleh
- PENDEKATAN STREET DAKWAH KEPADA BUKAN ISLAM DALAM KALANGAN PENDAKWAH NGO MUSLIM DI PULAU PINANG... 60-73
Mohamad Nasir Noor Azemy & Rosmawati Mohamad Rasit
- PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM MEMBENTUK AKHLAK PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAERAH KUNAK SABAH... 74-87
Rosnijah Arolah & A'dawiyah Ismail
- MANHAJ TARBIAH SAYYID MUHAMMAD ALI AL-SANUSI... 88-96
Mohd Sobirin Mohd Azehar & Ahmad Irdha
- ANALISIS FAKTOR KEAGAMAAN TERHADAP AMALAN BERSEDEKAH DALAM KALANGAN MAHASISWA ISLAM: APLIKASI TEKNIK FUZZY DELPHI... 97-117
Ahmad Ridwan Osman @ Hussin, Zaharah Hussin & Abdul Muhsin Sulaiman
- PENGURUSAN TABAYYUN DALAM DAKWAH... 118-131
Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Abu Dardaa Mohamad & Rosmawati Mohamad Rasit
- PENGIMARAHAN DI MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN (MTMZA), PUTRAJAYA... 132-143
Ahmad Rijal Ghazali & Ahmad Irdha Mokhtar
- MANHAJ DAKWAH HABIB UMAR BIN HAFIZ... 144-159
Wan Suhailah Wan Abdul Jalil & Abu Dardaa Mohamad

Al-Hikmah 11(1) 2019: 41-59

Dakwah Syeikh Nazim Al-Qubrusi: Antara Penerimaan Dan Penolakan

The Da'wah of Syeikh Nazim Al-Qubrusi: Between The Acceptance and
Rejection

MOHD ASYRAN SAFWAN KAMARUZAMAN
MOHD HAIDHAR KAMARZAMAN
KAMARUDIN SALLEH *

ABSTRAK

Syeikh Nazim al-Qubrusi adalah seorang tokoh ulama kontroversi yang pernah mencetuskan polemik ideologi tasawuf beliau sehingga mendapat perhatian di kalangan beberapa buah Institusi Agama Islam di Malaysia terutamanya di Wilayah Persekutuan dan Kedah. Beliau dikatakan mendakwa bahawa beliau membawa tarekat Naqshabandiyyah dari jalur Haqqani, bahkan merupakan syeikh dalam jalur tersebut. Walaubagaimanapun sebahagian dari kalangan syeikh dari tarekat yang sama dikatakan menolak pengiktirafan tersebut pada beliau. Kajian ini berusaha mengkaji latarbelakang dakwah al-Qubrusi dalam dunia tarekat dan pandangan ulama terhadap beliau. Kajian ini juga mengkaji ideologi beliau mengenai dakwah beliau terhadap akidah pengikutnya dalam kebanyakan buku yang ditulis beliau dan muridnya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang menggunakan metode analisis perbandingan, analisis kandungan, dan analisis pensejarahan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebahagian dari ajarannya yang bertentangan dengan akidah Islam Ahli Sunah Waljamaah dan banyak ilmuwan dan Intitusi Agama di Negara ini telah pun mengeluarkan fatwa pengharamannya.

Kata kunci: *Nazim al-Qubrusi, Dakwah Tarekat, Naqsyabandi Haqqani, Hisham Kabbani*

ABSTRACT

Sheikh Nazim al-Qubrusi was a Muslim Scholar and Figure of controversial cleric who had sparked the polemic of his Sufism ideology, which received attention among several Islamic Institutions in Malaysia, especially in the Wilayah Persekutuan and Kedah. He is said to have brought the Naqshbandiyya order from the Haqqani route, even as a Mursyid in that path. However, some of the scholars from the same tarekat were said to have rejected the title to him. This study seeks to examine the background of al-Qubrusi's da'wah in the world of the tarekat and the view of the another scholars towards him. This study also examines his

ideology regarding his da'wah to the followers of his faith in most of the books written by him and his students. This study uses a qualitative study using a method of comparative analysis, content analysis, and historical analysis. The results of the study found that there were a portion of his teachings that contradicted the Islamic faith of Ahli Sunnah Waljamaah and many Scholars and Religious Institutions in this country had also issued a fatwa for the prohibition.

Keywords: *Nazim al-Qubrusi, Dakwah Tarekat, Naqsyabandi Haqqani, Hisham Kabbani*

BIOGRAFI SYEIKH NAZIM AL-QUBRUSI

Tidak banyak sumber primer yang boleh didapati yang menerangkan secara terperinci mengenai riwayat kehidupan Syeikh Nazim al-Qubrusi. Syeikh Nazim al-Qubrusi dilahirkan di Cyprus di sebuah bandar berdekatan dengan pantai yang bernama Larnaka. Beliau dilahirkan pada hari Ahad 21 April 1922 bersamaan dengan 26 Syaaban 1341h (Sulistiana 2008: 7). Dikatakan bahawa beliau merupakan seorang yang berketurunan Syeikh Abdul Qadir al-Jilani daripada sebelah ayah, manakala daripada sebelah ibu, beliau mempunyai susur galur kepada Syeikh Jalaluddin al-Rumi, yang mana kedua-duanya merupakan tokoh kesufian yang sangat masyhur yang mengasaskan aliran Tarekat al-Qadiriyyah dan Tarekat Mevlevi atau al-Mawlah/al-Mawlawiyyah. Syeikh Nazim al-Qubrusi juga dikatakan berdarah al-Hasani dan al-Husayni iaitu cucu-cucu Rasulullah s.a.w melalui kedua-dua susur galur ini.

Syeikh Nazim al-Qubrusi telah mendapat pendidikan awal daripada datuknya yang bernama Muhammad Nazim. Beliau sering mengikuti datuk beliau yang mengamalkan tarekat Qadiriyyah. Sedari kecil, ayah beliau telah menghantar beliau mendapatkan pendidikan akademik di sekolah aliran biasa, namun pada malam hari beliau menumpukan pendidikan Syeikh Nazim dalam bidang keagamaan. Pendidikan menengah beliau tamat di Cyprus dan kemudiannya pada tahun 1940 beliau menuju ke University of Istanbul dan mendapat Ijazah MA dalam bidang teknik kimia. Menurut Choiriyah (2009: 37), Syeikh Nazim al-Qubrusi sering mendapat gred dan keputusan yang sangat cemerlang dalam pembelajarannya, bahkan beliau dikenali sebagai antara mereka yang genius.

Antara guru agama awal beliau ialah Guru spiritual pertama beliau bernama Syeikh Sulaiman Arzurumi (1948) yang mengajarkannya mengenai tarekat al-Qadiriyyah dan al-Mawlawiyyah. Melalui Syeikh Jamaluddin al-Lasuni (1955) pula, beliau mempelajari ilmu syariah dan Bahasa Arab daripada gurunya ini bahkan mendapat Ijazah (autoriti) daripadanya (Choiriyah 2009, 38). Ketika menetap di Tripoli pada tahun

1944, Syeikh Nazim sempat melazimi seorang guru yang dikenali dengan nama Syeikh Munir al-Malik yang dikatakan merupakan Mufti Tripoli. Syeikh Munir ini merupakan ketua semua aliran tarekat yang berada di Tripoli. Pertemuan Syeikh Nazim dengan Syeikh Munir juga istimewa kerana Syeikh Munir menyatakan bahawa beliau mendapat khabar mengenai kedatangan Syeikh Nazim ke Tripoli melalui jalan mimpi bertemu Rasulullah s.a.w. Syeikh Munir inilah yang menguruskan perjalanan seterusnya Syeikh Nazim ke Homs, Syria dan seterusnya ke Damsyik untuk bertemu dengan Syeikh Abdullah al-Daghestani.

Sewaktu menetap di Homs, Syria pada 1945, diriwayatkan beliau mempelajari beberapa cabang ilmu seperti syariah, hadis, al-Quran dan lain-lain di bawah bimbingan guru-guru Tarekat al-Naqsyabandi seperti Syeikh Muhammad Ali Uyun al-Sud, Syeikh Abdul Aziz Uyun al-Sud yang merupakan Mufti Homs, Syeikh Abdul Jalil Murad dan Syeikh Sa'ad al-Suba'i (Sulistiana 2008, 25). Seterusnya daripada Homs beliau meneruskan perjalanan ke Damsyik, Syria untuk bertemu dengan insan yang banyak mencorakkan perjalanan hidupnya iaitu Syeikh Abdullah Faiz al-Daghestani.

Pada tahun 1945, Syeikh Nazim telah bertemu dengan Syeikh Abdullah Faiz al-Daghestani. Pertemuan dengan Syeikh Abdullah Al-Daghestani ini disifatkan sebagai perjalanan spiritual beliau oleh anak murid Syeikh Nazim, Syeikh Hisham Kabbani dalam kata pengantarnya terhadap buku *Sufi Wisdom Series: Liberating The Soul, A Guide For Spiritual Growth Volume 5* (al-Qubrusi 2006). Syeikh Hisham merakamkan kisah perjalanan ini sebagaimana yang diceritakan oleh Syeikh Nazim sendiri:

“Aku tinggal bersama Syeikh Munir al-Malek selama sebulan. Kemudian beliau menguruskan persiapan aku untuk ke Homs dan dari Homs seterusnya ke Damsyik. Aku sampai di Damsyik pada hari Jumaat 1945 bersamaan 1365H iaitu pada awal permulaan kalendar Hijrah. Aku mengetahui bahawa Syeikh Abdullah tinggal di sebuah bandar yang bernama Hayy al-Maidan berdekatan dengan makam Saidina Bilal al-Habasyi dan makam-makam keturunan Rasulullah s.a.w, iaitu suatu zaman silam di mana monumen-monumen peninggalan masih banyak, yang mereka di situ tahu di mana rumah Syeikh Abdullah. Kemudian dalam bayangan aku melihat sebuah-sebuah rumah secara spesifik. Aku tidak tahu mana satu rumah Syeikh Abdullah. Datang satu bayangan seketika, ketika aku berdiri di pertengahan jalan, bahawa Syeikh Abdullah keluar dari rumahnya dan memanggilku untuk masuk ke dalam. Bayangan itu kemudian hilang namun aku

tidak melihat seorang pun yang berada di jalanan. Sekitar jalan tersebut kosong akibat daripada pengeboman oleh Perancis dan Inggris. Semua orang berada dalam ketakutan, bersembunyi dalam rumah masing-masing. Aku berseorangan berada di atas jalan. Aku hanya mengikut gerak hati untuk menuju ke suatu pintu. Aku melihat sehingga aku menjumpai pintu tersebut. Tatkala aku ingin mengetuk pintu rumah tersebut, Syeikh Abdullah membuka pintu tersebut. Dia berkata: ((Selamat datang anakku Nazim Effendi)) Penampilannya yang amat berlainan telah menarik perhatianku. Aku tidak pernah melihat orang seumpamanya sebelum ini. Cahaya terpancar daripada wajah dan dahinya. Kehangatan datang dari hatinya dan daripada senyuman menawan di atas wajahnya. Beliau membawaku ke atas, melangkah naik ke biliknya lalu berkata: ((Kami sememangnya sedang menanti kedatanganmu))”.

Syeikh Nazim kemudiannya berbaih kepada Syeikh Abdullah Faiz al-Daghestani dan lanjutan daripada itu, Syeikh Nazim telah dihantar oleh Syeikh Abdullah al-Daghestani ke Cyprus untuk menjadi khalifah tarekatnya di sana bagi menyebarkan dakwah. Dalam jangka masa yang lama, Syeikh Nazim kemudian kembali ke Damsyik dan menikahi salah seorang anak Syeikh Abdullah al-Daghestani yang bernama Hajah Aminah Adil dan daripada pernikahan ini beliau memperoleh dua anak lelaki dan dua anak perempuan masing-masing bernama Muhammad Adil, Bahauddin, Naziha dan Ruqayya (Sulistiana 2008, 25). Ringkasan perguruan Syeikh Nazim adalah seperti berikut:

1. Muhammad Nazim (datuk kepada Syeikh Nazim); guru awal tarekat Qadiriyyah.
2. Syeikh Jamaluddin al-Lasuni; guru Syariah dan Bahasa Arab.
3. Syeikh Sulaiman Arzurumi; guru awal tarekat Naqsyabandi.
4. Syeikh Muhammad Ali Uyun al-Sud; guru Syariah, Hadith dan Al-Quran.
5. Syeikh Abdul Aziz Uyun al-Sud (Mufti Homs); guru Syariah, Hadith dan Al-Quran.
6. Syeikh Abdul Jalil Murad; guru Syariah, Hadith dan Al-Quran.
7. Syeikh Sa'id al-Suba'i; guru tarekat Naqsyabandi
8. Syeikh Munir al-Malik; guru tarekat Qadiri, Naqsyabandi dan Rifa'i.
9. Syeikh Abdullah al-Daghestani (Guru utama Syeikh Nazim); guru tarekat Naqsyabandi.

PERKEMBANGAN DAKWAH SYEIKH NAZIM AL-QUBRUSI

Syeikh Nazim diangkat menjadi Khalifah bagi tarekat Naqsyabandiyyah pimpinan Syeikh Abdullah al-Daghestani selepas kematian Syeikh Abdullah al-Daghestani sendiri pada 30 September 1973. Sejak daripada itu, tarekat ini dikenali dengan nama Naqsyabandiyyah Haqqani (Sulistiana 2008, 23). Sewaktu di Cyprus, setelah dihantar oleh Syeikh Abdullah al-Daghestani, Syeikh Nazim memulakan dakwah pertamanya terhadap masyarakat di sana. Beliau mengajarkan Islam dan tarekat Haqqani. Ketika itu, Turki masih lagi dikuasai oleh golongan sekular yang dipimpin oleh Kamal Ataturk. Agama Islam dimodenisasikan oleh Kamal sehingga azan hanya boleh dilaungkan dalam Bahasa Turki (Hamid Nassaj, 2015). Keadaan ini tidak menjadikan Syeikh Nazim lemah dalam menyebarkan dakwahnya. Bahkan beliau dikatakan tetap melaungkan azan dalam Bahasa Arab sehingga perkara ini sampai kepada para penguasa dan beliau akhirnya ditangkap dan dipenjara.

Keadaan ini berlanjutan sehingga pemerintahan Turki beralih kuasa ke tangan Adnan Menderes pada tahun 1950 (Karakas 2007, 13). Setelah daripada itu, Syeikh Nazim telah dibebaskan dan mendapat sokongan oleh pemerintah bagi menyebarkan dakwahnya. Kebebasan kepada beliau bererti beliau mempunyai peluang untuk menyebarkan dakwahnya bukan sahaja di Turki, malah ke serata Eropah, Amerika dan Asia. Syeikh Nazim semakin masyhur pada awal 70-an, beliau dikenali dengan nama Syeikh Nazim Yesilbas yang membawa erti “Syeikh Nazim yang berserban hijau”. Menurut Sulistiana, ribuan manusia telah memeluk agama Islam di atas tangan Syeikh Nazim. Perjalanan dakwah beliau setelah itu berlangsung selama 40 tahun dan lebih bagi menyebarkan ajaran tarekat beliau. Beliau turut melangsungkan dialog dengan pelbagai agama, bahkan beliau berdialog dengan pemuka-pemuka Yahudi, Kristian dan New Age sehingga tidak sedikit juga dari kalangan mereka ini yang memeluk agama Islam (Sulistiana 2008, 25).

Dakwah beliau semakin berkembang luas. Anak-anak murid beliau semakin bertambah. Di antara ramai anak-anak murid yang mengikuti ajaran Syeikh Nazim, terdapat beberapa anak murid utama beliau yang ditugaskan untuk menyebarkan dakwah dan ajaran Haqqani pimpinan beliau. Mereka ini dilantik sebagai khalifah bagi tarekat Haqqani di kawasan-kawasan yang ditentukan oleh Syeikh Nazim. Sebahagian pengkaji berpendapat bahawa terdapat dua orang yang telah dilantik menjadi khalifah dan merupakan murid utama Syeikh Nazim iaitu Syeikh Hisham Kabbani yang lahir pada tahun 1945 dan Syeikh Adnan Kabbani yang lahir pada tahun 1947 (Sulistiana 2008, 26). Sebahagian pengkaji

berpandangan bahawa terdapat tiga orang khalifahnyanya iaitu adik beradik Kabbani dan anak Syeikh Nazim sendiri iaitu Muhammad Adil. Manakala sebahagian pengkaji lain mendapati terdapat lima orang iaitu tiga orang yang disebut di atas termasuk dua lagi iaitu Syeikh Abdul Karem dan Syeikh Ahmad Ameerudin (Makhasin 2015, 138). Lebih istimewa, jalinan hubungan Syeikh Nazim dengan keluarga Kabbani pada tahun 1960 telah menguatkan pengaruh Syeikh Nazim terutamanya di Tripoli, Lubnan di mana keluarga Kabbani ini merupakan keluarga yang dihormati. Keluarga Kabbani mempunyai kekuatan politik bahkan, datuk kepada dua orang anak murid Syeikh Nazim ini ialah bekas Mufti Besar Lubnan iaitu Syeikh Muhammad Rashid Kabbani (Makhasin 2015, 49).

Syeikh Hisham Kabbani bukan sahaja murid, malah diambil sebagai menantu oleh Syeikh Nazim. Tindakan ini adalah sangat bijak oleh sang guru. Syeikh Hisham Kabbani kemudian ditugaskan oleh Syeikh Nazim untuk menjadi khalifahnyanya dan menyebarkan tarekat pimpinannya Argentina, Kanada, Eropah, Jerman, Belanda dan Indonesia. Beliau banyak mengikuti Syeikh Nazim dalam menyebarkan tarekat ini ke serata dunia. Antara perjalanan beliau yang paling bersejarah ialah pada tahun 2001 di mana Syeikh Nazim melancarkan “Naqsyabandi Haqqani Eastern World Tour of The Muslim World”. Jelajah ini bermula daripada Istanbul seterusnya ke Uzbekistan, Jepun, Singapura, Indonesia, Malaysia, Sri Lanka dan berakhir di Pakistan. Dalam jelajah ini, Syeikh Nazim beserta dua anak lelakinya dan Syeikh Hisham berjaya menghampiri segenap lapisan masyarakat daripada yang berstatus tinggi sehingga lapisan biasa (Al-Haqqani 2006, 14). Natijahnya, Syeikh Nazim berjaya menjalin hubungan rapat dengan beberapa kerabat DiRaja dalam beberapa siri jelajahnya seperti Turgut Ozal, Presiden Turki, Rauf Denktas, pemimpin Turki Cypriot, DYMM Sultan Hasanal Bolkiah, Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hamengkubuwono X, Yogyakarta dan DYM Raja Dato’ Seri Ashman Shah, Kerabat DiRaja Perak Darul Ridzuan (al-Haqqani 2012, 14).

SILSILAH TAREKAT HAQQANI YANG DIBAWA SYEIKH NAZIM

Syeikh Hisham Kabbanu yang mengemukakan silsilah ini, berulang kali menyebut bahawa Syeikh Nazim merupakan orang yang terakhir dalam silsilah Naqsyabandi yang disebut sebagai “Silsilah Rantai Emas Naqsyabandi Haqqani” (Kabbani tt, 116). Terdapat pertikaian di kalangan ulama tarekat terhadap silsilah ini kerana Syeikh Hisham meletakkan Nabi Khidir a.s sebagai salah seorang guru spiritual di mana perkara ini tidak didapati dalam silsilah Naqsyabandi yang lain melainkan Naqsyabandi

Haqqani (Makhasin 2015, 143). Ini dikuatkan lagi kenyataan Syeikh Hisyam bahawa silsilah ini bersifat Uwaisi, nisbah kepada Uwais al-Qarni, seorang Tabiin yang hidup di zaman Nabi s.a.w yang menurut Syeikh Hisham menerima keislaman daripada Nabi s.a.w secara Barzakhi (Bruinessen 1995, 48). Jika dilihat kembali silsilah Tarekat Naqsyabandi Haqqani yang dikemukakan oleh Syeikh Hisham ini berdasarkan kepada tahun hidup / wafat setiap individu dalam rantaianya, maka ini hasilnya:

- (1) Nabi Muhammad s.a.w (wafat 632M)
- (2) Saidina Abu Bakr al-Siddiq (wafat 634M)
- (3) Saidina Salman al-Farisi (wafat 655M)
- (4) Saidina Qasim bin Muhammad bin Abu Bakr al-Siddiq (wafat 687M)
- (5) Saidina Jaafar al-Sadiq (wafat 765M)
- (6) Abu Yazid al-Bistami (wafat 784M)
- (7) Abu Hasan al-Kharaqani (wafat 1034M)
- (8) Abu Ali al-Farmadzi (wafat 1084M)
- (9) Abu Yaakub Yusuf al-Hamadani (1109 – 1140M)
- (10) Nabi Khidir a.s
- (11) Abdul Khaliq al-Ghujdawani (wafat 1220M)
- (12) Arif al-Riwgari / al-Riwakri (wafat 1259M)
- (13) Mahmud al-Anjir al-Faghnawi (wafat 1272M)
- (14) Azizan Ali al-Ramitani (wafat 1321M)
- (15) Muhammad Baba al-Sammasi (wafat 1354M)
- (16) Sayyid Amir / Amir Sayyid Kulal al-Bukhari (wafat 1371M)
- (17) Syeikh Muhammad Bahauddin al-Naqsyabandi (1318 – 1389M)
- (18) Alauddin al-Bukhari al-Attar (1400M)
- (19) Yaakub al-Charkhi (wafat 1447M)
- (20) Ubaidullah al-Ahrar (1404 – 1490M)
- (21) Muhammad al-Zahid (wafat 1515M)
- (22) Darwish Muhammad (wafat 1549M)
- (23) Muhammad Khwaja al-Amkanaki (wafat 1599M)
- (24) Muhammad al-Baqi Billah (1563 – 1603M)
- (25) Ahmad al-Faruqi al-Sirhindi (1564 – 1624M)
- (26) Muhammad al-Ma[^]sum (1586 – 1668M)
- (27) Muhammad Sayfuddin al-Faruqi al-Mujaddidi (1645 – 1685M)
- (28) Sayyid Nur Muhammad al-Badawani (1664 – 1722M)
- (29) Shamsuddin Habibullah (1700 – 1781M)
- (30) Abdullah al-Dahlawi (1745 – 1824M)
- (31) Khalid al-Baghdadi (1776 – 1827M)
- (32) Ismail Muhammad al-Shirwani (1787 – 1839M)
- (33) Khas Muhammad Shirwani (1786 – 1844M)
- (34) Muhammad Efendi al-Yaraghi (1777 – 1848M)

- (35) Jamaluddin al-Ghumuqi al-Husayni (1788 – 1869M)
- (36) Abu Ahmad al-Surughi (1789 – 1882M)
- (37) Abu Muhammad al-Madani (1835 – 1913M)
- (38) Sharafuddin al-Daghestani (1875 – 1936M)
- (39) Syeikh Abdullah Faiz al-Daghestani (1891 – 1973M)
- (40) Syeikh Muhammad Nazim Adil al-Haqqani (1922 – 2014M)

Menurut Makhasin dalam tesis beliau, rangkaian sanad ini bagaimanapun mengundang kontroversi sekaligus mencetuskan perdebatan besar di kalangan golongan sufi akibat daripada kehadiran Nabi Khidir a.s sebagai salah seorang dalam rangkaian ini (Makhasin 2015, 141). Perkara inilah yang disebut oleh Syeikh Hisham sebagai uwaisi iaitu silsilah yang diperolehi secara spiritual. Jika ditilik, terdapat beberapa nama yang disebut dalam silsilah Naqsyabandi Haqqani ini menerima tarekat secara Barzakhi. Mereka ialah Abu Yazid al-Bistami (wafat 784M) yang mengambil daripada Saidina Jaafar al-Sadiq (wafat 765M), kemudian Abu Hasan al-Kharaqani (wafat 1034M) yang mengambil daripada Abu Yazid al-Bistami. Kemudian, Abu Yaakub Yusuf al-Hamadani (1109 – 1140M) yang mengambil daripada Abdul Khaliq al-Ghujdawani (wafat 1220M). Seterusnya pendiri tarekat Naqsyabandi sendiri, Syeikh Muhammad Bahauddin al-Naqsyabandi (1318 – 1389M) yang mengambil dari Abdul Khaliq al-Ghujdawani khusus secara Barzakhi.

AJARAN TAREKAT HAQQAANI YANG DIPIMPIN SYEIKH NAZIM

Peringkat Naqsyabandi

Nama Abdul Khaliq al-Ghujdawani sering disebut oleh pengikut Naqsyabandi Haqqani sebagai orang yang meletakkan asas dalam Tarekat Naqsyabandi. Jika dilihat pada silsilah yang telah dibincangkan sebelum ini, pendiri Naqsyabandi, Syeikh Muhammad Bahauddin mengambil tarekat ini secara Barzakhi dari al-Ghujdawani. Terdapat lapan asas yang diletakkan oleh al-Ghujdawani sebagai aturan tarekatnya yang kemudian menjadi pedoman Tarekat Naqsyabandi (Netton 2000, 77). Lapan asas tersebut dalam Bahasa Parsi ialah:

1. *Husy Dar Dam* (situasi sedar saat pernafasan);
2. *Nazar Bar Qadam* (situasi memerhatikan langkah);
3. *Safar Dan Watan* (situasi perjalanan seperti di kampung halaman);
4. *Khalwat Dar Anjuman* (situasi sepi dalam keramaian);
5. *Yard Kard* (situasi mengingati dan menyebut);

6. *Bazghast* (situasi memperbaharui);
7. *Niqah Dahsyat* (situasi mewaspada); dan
8. *Yaddast* (situasi mengingatkan kembali).

Syeikh Muhammad Bahauddin kemudian menambah lagi tiga asas dalam pembentukan asas Tarekat Naqsyabandi seperti berikut:

1. *Wuquf Zamani* (situasi memeriksa penggunaan waktu);
2. *Wuquf Adadi* (situasi memeriksa jumlah zikir); dan
3. *Wuquf Qalbi* (situasi memelihara hati).

Sebelas asas ini menjadi asas dalam Tarekat Naqsyabandi dalam pelaksanaan zikir mereka sama ada secara sendirian mahupun secara berkumpulan yang dipimpin oleh guru. Zikir dalam dunia Tarekat Naqsyabandi ada dua metod iaitu:

1. *Al-Jahr* (secara kuat dan keras); dan
2. *Al-Khafi* (secara diam dan rahsia).

Terdapat dua zikir asas dalam Tarekat Naqsyabandi sebagai amalan bagi menyucikan hati (Bruinessen 1995, 25). Dua zikir tersebut ialah:

1. Zikir *Ism al-Dzat* iaitu zikir dengan menyebut nama Allah SWT; dan
2. Zikir *Nafi wa Itsbat* iaitu Tahlil dengan mengucap La Ilaha Illa Allah.

Zikir *Ism al-Dzat* ini dilaksanakan sama ada secara *al-Jahr* atau *al-Khafi*, dengan menyebut nama Allah SWT secara berulang-ulang. Manakala zikir *Nafi wa Itsbat* dipraktikkan bagi mengingatkan keesaan Allah SWT sebagai Tuhan. Dua zikir ini hanya merupakan asas dalam Tarekat Naqsyabandi. Dilaporkan terdapat lebih kurang 200 jenis zikir yang diamalkan oleh pengikut Naqsyabandi dari segenap aliran di 41 buah negara (Makhasin 2015, 49). Tambahan bagi dua zikir ini, terdapat zikir yang diamalkan sebagai penutup bagi sekalian zikir dalam tarekat ini. Zikir yang dimaksudkan ialah zikir *Khatam Khwajagan*. *Khwajagan* sebagaimana dijelaskan sebelum ini bererti sekalian guru dalam Tarekat Naqsyabandi manakala *khatam* ialah kalimah Bahasa Arab yang bererti penutup. Zikir ini dianggap sebagai tiang bagi sekalian zikir dalam Tarekat Naqsyabandi (Bruinessen 1995, 85). Zikir ini asalnya diperolehi oleh Abdul Khaliq al-Ghujdawani daripada Saidina Abu Bakr r.a (Sri Mulyati et.al 2005, 20) daripada Rasulullah s.a.w secara barzakhi. Dikatakan, Abu Bakr r.a memanggil sekalian pemimpin Naqsyabandi di alam ruh lalu mewariskan zikir ini kepada Abdul Khaliq al-Ghujdawani (Choiriyyah 2009, 79).

Peringkat Haqqani

Dalam metod zikir oleh Syeikh Nazim, pengikut tarekatnya dipinta supaya muroqobah iaitu supaya dapat menyatukan hati dengan Allah SWT serta para guru dalam Naqsyabandi. Syeikh Nazim amat menekankan muroqobah ini sebagai hubungan spiritual agar pengikut Naqsyabandi Haqqani tetap berhubung dengan Allah dan guru-guru Naqsyabandi dalam Silsilah Rantai Emas Naqsyabandi Haqqani. Tambahan daripada muroqobah ini, Syeikh Nazim juga menekankan elemen cinta. Menurut Syeikh Nazim, cinta adalah tiang utama berbanding iman, kerana tanpa cinta tidak akan ada iman (Sulistiana 2008, 34-35). Dalam rantaian Naqsyabandi, Syeikh Nazim melalui tarekat pimpinannya memperkenalkan tarian dan muzik dalam pelaksanaan zikir. Kebiasaan zikir yang dilakukan oleh Naqsyabandi Haqqani ini adalah secara berkumpulan di zawiyah di serata tempat. Tarian yang diperkenalkan oleh tarekat pimpinan Syeikh Nazim ialah Tarian Sema (Choiriyyah 2009, 35).

Tarian Sema ini dikatakan asalnya adalah pengamalan daripada Jalaluddin al-Rumi yang mengasaskan Tarekat Mevlevi. Penerapan Tarian Sema ini dilakukan secara berputar (*whirling*) yang diiringi muzik. Menurut Sulistiana, muzik yang mengiringi tarian ini dikenali sebagai *Hadhras* di mana ia adalah manifestasi daripada kecintaan yang bukan dibuat-buat untuk menuju kepada makam *fanaa'* (Sulistiana 2008, 33). Asal-usul tarian ini, ada yang mendakwa ianya adalah daripada praktis Saidina Abu Bakr r.a. apabila beliau diberitahu oleh Nabi s.a.w bahawa beliau akan mengikuti Hijrah Baginda s.a.w dan dijanjikan Syurga, maka Saidina Abu Bakr r.a menari dengan arah lawan jam kerana kegembiraan (Makhasin 2015, 157). Kemudian Jalaluddin al-Rumi mempraktikkan tarian ini sebagai manifestasi terhadap sahabatnya Syams. Hubungan al-Rumi begitu erat dengan Syams sehingga hubungan ini sukar untuk dipisahkan. Kecintaan mereka ibarat Laila dan Majnun. Hanya mereka yang mengerti cinta mereka. Al-Rumi akhirnya ditinggalkan Syams dan akibat daripada mabuk kepayang cinta terhadap sahabatnya, terbentuklah Tarian Sema ini (Choiriyyah 2009, 51-52).

Dalam pengamalan Haqqani, Syeikh Nazim serta jemaah pimpinannya amat mengagumi al-Rumi. Tarian Sema diperkenalkan dalam Naqsyabandi Haqqani sehingga menjadi salah satu ritual wajib mereka. Tarian Sema ini diperkenalkan bagi menarik minat golongan muda yang lazimnya menyukai hiburan agar dapat mengalihkan tumpuan mereka dari hiburan keduniaan kepada hiburan berbentuk kesufian dengan praktis tarian serta muzik. Ini terbukti apabila Syeikh Hisham memperkenalkan Naqsyabandi Haqqani di Indonesia, beliau turut memanfaatkan Tarian Sema ini sehingga mengundang ribuan anak muda Indonesia untuk

mengikuti Naqsyabandi Haqqani. Beliau mengetengahkan Tarian Sema ini agar semangat berzikir sentiasa membara sehingga dapat menghasilkan cinta. Bahkan Tarian Sema ini sebenarnya bukan sahaja dipraktikkan oleh khalayak Muslim sahaja, bahkan penganut agama lain turut mempraktikkan tarian ini sebagai ritual (Choiriyah 2009, 65).

AJARAN AKIDAH SYEIKH NAZIM

Dasarnya, Syeikh Nazim mengajak manusia kepada menyembah Allah SWT dan mengimani kenabian Muhammad s.a.w. Syeikh Nazim ada menyebut secara sepintas lalu bahawa manusia jangan tertipu dengan dunia dan perlu berpegang teguh dengan ketiga-tiganya iaitu Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan (al-Qubrusi 1997: 50) Syeikh Nazim menyatakan bahawa hak Allah SWT yang terbesar ke atas hambaNya ialah mengucapkan dua kalimah syahadah. Dengan dua kalimah syahadah ini, maka dosa-dosa manusia akan terhapus (al-Qubrusi 1980: 160). Dua kalimah syahadah ini merupakan kunci bagi syurga Allah SWT (al-Qubrusi 2001: 17). Bagaimanapun, menurut Syeikh Nazim, Nabi s.a.w diperintah oleh Allah SWT untuk menyeru manusia mengucapkan syahadah yang pertama sahaja, dan ini sudah mencukupi. Jika seseorang tidak mengucapkan syahadah yang kedua, maka hanya Allah SWT yang berhak menghakimi mereka. Syahadah kedua hanyalah untuk mereka yang memohon syafaat Nabi s.a.w di hari akhirat kelak (al-Qubrusi 2001: 18).

Terdapat beberapa dasar ajaran akidah Syeikh Nazim yang dilihat bercanggah dengan dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh Ahlussunnah waljamaah. Ia merangkumi empat bahagian:

1. Ketuhanan
2. Kenabian dan Kewalian
3. Hal-hal ghaib
4. Isu-isu lain

Ringkasnya, percanggahan pada keempat-empat bahagian ini adalah seperti berikut:

Bab Ketuhanan

1. Mentakrifkan tauhid dengan keyakinan Wahdatul Wujud berteraskan pantheisme di mana manusia bersatu dengan Allah SWT. Syeikh Nazim menjelaskan Tauhid ialah apabila manusia tidak lagi memandang kewujudan dirinya maka dia akan bersatu dengan Allah SWT (al-Qubrusi 2012: 62)

2. Menamakan Allah SWT dengan nama-nama yang tidak terdapat di dalam Al-Quran, Hadis dan Ijmak. Antara nama yang diberikan ialah designer (al-Qubrusi 2012: 13), power station (al-Qubrusi 1980: 115) dan curator (al-Qubrusi 1991: 82)
3. Mendakwa Allah SWT itu bertempat, boleh jadi di suatu tempat, boleh jadi di mana-mana tempat. Menurut beliau, Allah SWT itu sendiri berada dalam masa dan tempat, namun dia tidak bermasa dan bertempat, dia berada dalam semuanya, bila-bila masa, di mana-mana dan tembus setiap sesuatu (al-Qubrusi 2001: 40)
4. Menetapkan sifat-sifat khobariyyah yakni yang mutasyabihat atas pemaknaan yang zahir sehingga membawa keyakinan tajsim dan tasybih. Beliau menetapkan Allah SWT mempunyai mata (al-Qubrusi 1980: 5), muka yang hakiki (al-Qubrusi 1980: 11), tangan yang berbayang (al-Qubrusi 1980: 40) dan bahu (al-Qubrusi 1980: 56)
5. Menisbahkan perasaan bagi Allah SWT. Beliau mendakwa Allah SWT mempunyai sifat marah (al-Qubrusi 2001: 32), bangga dan gembira (al-Qubrusi 2001: 84), cinta (al-Qubrusi 2002.b: 59) dan ego (al-Qubrusi 2002.b: 92)
6. Meyakini bahawa Allah SWT boleh meresap di dalam makhluk iaitu keyakinan hulul sehingga Allah SWT akan mengimplankan sifat-sifatNya ke dalam tubuh makhluk (al-Qubrusi, *Bridge to Eternity* 2012, 65)
7. Meyakini bahawa Allah SWT bersama dengan makhluk secara hakiki, sehingga Allah SWT boleh bersama-sama dengan seekor semut (al-Qubrusi, *Mercy Oceans' Rising Sun* 1986, 10) (al-Qubrusi, *In The Mystic Footsteps of Saints Volume 1* 2002, 100)
8. Menetapkan bahawa manusia boleh bersifat dengan sifat ketuhanan kerana manusia adalah khalifah Allah SWT (al-Qubrusi, *In The Mystic Footsteps of Saints Volume 1* 2002, 29)

Bab Kenabian

1. Meyakini bahawa secara zahirnya, Adam a.s adalah Nabi pertama namun secara hakikinya, Nabi pertama adalah Muhammad s.a.w dan Baginda adalah makhluk pertama yang dicipta Allah SWT (al-Qubrusi 1980: 100)
2. Mensabitkan kewujudan manusia sebelum Nabi Adam a.s dengan menyebut bahawasanya sebelum Nabi Adam a.s, telah ada Adam-Adam yang lain, dan selepas kemusnahan manusia di muka bumi ini, akan ada lagi Adam lain yang menyusul (al-Qubrusi 1980: 104)
3. Menyatakan bahawa para Nabi itu bersifat dengan sebahagian sifat khinzir, anjing dan keldai (al-Qubrusi 1980: 37) (al-Qubrusi 1980: 142-143)

4. Menisbahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w dengan beberapa sifat ketuhanan, antaranya menyebut bahawa Nabi Muhammad s.a.w mengetahui perkara yang sebelum dan selepas (al-Qubrusi 1980: 100)
5. Menyatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w merupakan cahaya yang berpindah dari satu Nabi ke Nabi yang lain sehingga Idris a.s dan Ismail a.s malah Iblis dilaknati kerana tidak sujud kepada Adam a.s dan cahaya Muhammad ini (al-Qubrusi 2001: 34, 63)
6. Menisbahkan kebersamaan roh Nabi Muhammad s.a.w dan para wali bersama-sama dengan Allah SWT secara hakiki selepas kematian mereka (al-Qubrusi 2001: 43-44)

Bab Kewalian

1. Menyatakan para wali itu boleh melihat kepada lelaki dan perempuan tanpa batas kerana itu memang kewajipan mereka kerana pandangan para wali membakar kejahatan (al-Qubrusi, Mercy Oceans 1980, 20)
2. Mensifatkan para wali itu bersifat dengan sifat-sifat Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan juga oleh gurunya Syeikh al-Daghestani (al-Qubrusi, Mercy Oceans 1980)
3. Mendakwa beliau dan guru beliau adalah wali yang merupakan stesen kuasa yang mempunyai kuasa ajaib dan kuasa rahsia yang diperturunkan menerusi jalur Tarekat Naqsyabandi dari Nabi s.a.w (al-Qubrusi, Mercy Oceans 1980, 167-168) (al-Qubrusi, Rubies of Resplendence 2001, 9)
4. Mendakwa bahawa wali itu mempunyai aroma spiritual yang boleh dikesan dan dikenali. Seseorang boleh mengenal wali melalui aroma ini mengikut kadar peringkat spiritualnya (al-Qubrusi, Rubies of Resplendence 2001, 41).
5. Menyatakan bahawa para wali yang berstatus tinggi mengetahui kos-kod rahsia Al-Quran dan mereka berbicara dengan manusia menggunakan kod-kod ini (al-Qubrusi, Rubies of Resplendence 2001, 90).

Bab Hal-Hal Ghaib

1. Mendakwa bahawa Nabi s.a.w berjumpa dengan Allah SWT secara hakiki sewaktu Mikraj (al-Qubrusi, Mercy Oceans' Rising Sun 1986, 88) (al-Qubrusi, Defending Truth 1997, 28).
2. Meyakini bahawa Israk dan Mikraj boleh dirasai oleh semua orang beriman yang terpilih, binatang syurga iaitu Buraq sentiasa bersedia menunggu orang-orang ini untuk dibawa merasai pengalaman Israk dan Mikraj (al-Qubrusi, Mercy Oceans' Emeralds of Eden 1991, 65).

3. Menyamakan kemuliaan yang diterima oleh Nabi s.a.w ini sebagaimana kemuliaan yang diterima oleh Ratu Elizabeth (al-Qubrusi, *Mercy Oceans* 1980, 9).
4. Mendakwa bahawa Imam Mahdi telah muncul pada tahun 1960 dan 12,000 orang wali telah berbaiah kepada Imam Mahdi pada tahun itu sama ada secara fizikal mahupun secara mimpi (al-Qubrusi, *Bridge to Eternity* 2012, 53).
5. Menentukan tarikh kemunculan Imam Mahdi akan berlaku sebelum tahun 2000 apabila teknologi musnah dan perang dunia ketiga berakhir (al-Qubrusi, *Bridge to Eternity* 2012, 31) (al-Qubrusi, *Rubies of Resplendence* 2001, 9).
6. Mendakwa gurunya Syeikh Al-Daghestani pernah bertemu Imam Mahdi dan mengambil nasihat daripadanya (al-Qubrusi, *Mercy Oceans* 1980, 165).
7. Mendakwa Putera Charles menolak Dajjal dan menyatakan bahawa Putera Charles adalah pembela kebenaran (al-Qubrusi, *Defending Truth* 1997, 76).
8. Mendakwa bahawa manusia akan bangkit daripada kubur setelah Allah menurunkan hujan air mani dan air mani ini akan bercantum dengan satu sel kecil yang Allah kekalkan setelah kematian manusia seumpama ovum wanita (al-Qubrusi, *Mercy Oceans* 1980, 4).
9. Meyakini bahawa saat penimbangan amalan (mizan) berlaku, maka Kursi Allah SWT yang dinisbahkan oleh beliau sebagai singgahsana Allah SWT akan berada di suatu tapak perkuburan dua orang isteri Nabi di Damsyik, Syria (al-Qubrusi, *Mercy Oceans* 1980, 4).
10. Mendakwa Allah SWT akan memasukkan jutaan, bahkan bilion manusia ke dalam syurga. Bukan sahaja yang Muslim, bahkan semua yang mempercayai (believers). Beliau mengasingkan pemaknaan Muslim dan believers. (al-Qubrusi, *Mercy Oceans* 1980, 91).
11. Berpendapat bahawa setiap orang mempunyai 7 nama yang berbeza. Ini adalah kemuliaan yang Allah SWT berikan kepada manusia, nama ini digunapakai untuk 7 tingkatan syurga yang berbeza. Kita akan diseru menggunakan nama yang berbeza di setiap lapisan (al-Qubrusi, *Mercy Oceans' Emeralds of Eden* 1991, 15).
12. Meyakini seseorang boleh melihat Allah SWT di dunia dengan hanya melihat kepada Nabi s.a.w kerana Nabi s.a.w sentiasa bersama dengan Allah SWT secara hakiki (al-Qubrusi, *Rubies of Resplendence* 2001, 41).
13. Beliau turut mendakwa Allah SWT berada di mana-mana dalam makhlukNya, dalam batu-batu, dalam gunung-ganang juga dalam pokok-pokok (al-Qubrusi, *Rubies of Resplendence* 2001, 91).

PENOLAKAN, KRITIKAN DAN PENENTANGAN TERHADAP SYEIKH NAZIM

Terdahulu telah dinyatakan bahawa dakwah Syeikh Nazim sangat berkembang luas sehingga mendapat tempat di timur dan di barat. Namun dalam kemasyhuran itu, terdapat juga penolakan, kritikan dan penentangan terhadap dakwah yang dibawa oleh beliau. Ini kerana terdapat isu-isu berkaitan dengan silsilah tarekat yang dibawa oleh beliau, juga isu-isu akidah yang berkait dengan ketuhanan, kenabian, kewalian dan hal-hal ghaib. Berikut adalah beberapa penentangan yang didapati terzahir ke atas Syeikh Nazim:

Penentangan Dari Kelompok Ahbash

Ahbash yang merupakan golongan yang mendapat asuhan Syeikh al-Muhaddith Abdullah al-Harari. Mereka berpusat di Lubnan dan mempunyai banyak cawangan di serata dunia. Mereka bermazhab Asyaari dalam akidah, Syafie dalam fiqh dan Rifaie Qadiri dalam tarekat. Mereka dikenali dengan kelantangan suara mereka terhadap golongan yang didapati menyeleweng daripada landangan Ahlussunnah waljamaah. Tidak ketinggalan dikritik oleh mereka ialah Syeikh Nazim. Antara kritikan yang dikemukakan ialah daripada Syeikh Samir al-Qadhi yang merupakan antara anak murid kanan kepada Syeikh Abdullah al-Harari. Syeikh Samir dalam karangannya *The Unveiling of Nazim al-Qubrusi's Misguidance and The Irrefutable Proof that Nazim al-Qubrusi Negates Islam* mengkritik Syeikh Nazim daripada beberapa sudut, seperti isu silsilah tarekat Syeikh Nazim yang didakwa sebagai terputus, isu Syeikh Nazim bersalaman dengan wanita bukan mahram, isu-isu mengenai kenyataan Syeikh Nazim dalam akidah dan sebagainya. Selain daripada itu, Riad Nachef – Islamic Affairs melalui insan bernama 'Abû Houdhayfah Aliyy Fichet ibn Rujjâr ibn Maurice al'Urdumâniyy alFaransiyy juga turut mengemukakan kritikan terhadap Syeikh Nazim sebagaimana kritikan Syeikh Samir dalam karangannya *Exposure of Nazim al-Qubrusi and Guidance for the Wanderers*. Tulisan Syeikh Samir dan 'Abû Houdhayfah kemudiannya diterjemahkan dalam Bahasa Indonesia dan diedarkan di Indonesia dan Malaysia dengan tajuk "Mewaspada! Bahaya Golongan Sesat" yang diterbitkan pada tahun 2002 dan "Mewaspada! Ajaran-Ajaran Sesat di Luar Ahlussunnah wal Jama'ah" yang diterbitkan pada tahun 2006. Terjemahan ini dilaksanakan oleh Syabab Ahlussunnah wal Jama'ah Indonesia (Syahamah), sebuah pertubuhan yang diasaskan oleh anak murid kepada Syeikh Dr. Salim Alwan, Pengerusi Darul Fatwa, Australia yang juga merupakan anak murid kepada Syeikh Abdullah al-Harari.

Penentangan Dari Kelompok Habaib Indonesia

Habaib ialah nisbah kepada Ahlul Bayt yang berketurunan Rasulullah s.a.w. Di Indonesia, terdapat ramai Ahlul Bayt yang menyebarkan dakwah Islam di sana. Antara Habaib yang mengkritik Syeikh Nazim ialah Habib Munzir Musawa yang mempertikai pengamalan Tarekat Haqqani yang dikatakan menyimpang daripada ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Habib Munzir turut mendakwa bahawa Syeikh Nazim, Syeikh Hisham dan tarekatnya berwenang dengan hubungan antara lelaki dan wanita kerana menganjurkan majlis zikir dengan percampuran antara keduanya (Makhasin 2015, 298-300).

Penentangan Dari Kelompok Tarekat Indonesia

Indonesia antara negara yang mempunyai aliran tarekat yang banyak. Antara aliran di sana ialah Rifaie, Qadiri, Syazuli dan Naqsyabandi. Antara yang memberi kritikan keras terhadap Syeikh Nazim ialah Habib Luthfi bin Yahya, yang merupakan Ahlul Bayt, beliau merupakan Ketua Umum Jam'iyah Ahlith Thariqah Al-Mu'tabarah An-Nahdliyyah (JATMAN), Wahfiudin, Koordinator Tarekat Qadiriyyah Naqshabandiyyah Jakarta (TQN) dan Lukman Hakim, Timbalan Tarekat Syazuliyyah Pesulukan Thoriqot Agung (PETA). Mereka mengkritik Syeikh Nazim, Syeikh Hisham dan tarekatnya dalam isu dakwaan terhadap karamah yang melampau. Mereka juga mengkritik dakwaan bahawa Syeikh Nazim adalah satu-satunya wali yang masih hidup di dunia, Syeikh Nazim adalah Sultan al-Awliyyaa' dan pemegang terakhir sanad Tarekat Naqshabandi (Makhasin 2015, 304-309).

Penentangan Dari Kelompok Pesantren Indonesia

Pesantren di sini merujuk kepada pengasuh-pengasuh madrasah pondok di Indonesia. Dalam sebuah majalah bernama al-Kisah yang popular di Indonesia, terbitan edisi 15-28 Jun 2009, siri 12, menyatakan kritikan KH Syarifudin Amsir, salah seorang pemimpin tertinggi Pengurus Besar Nahdlatul Ulama (PBNU) terhadap Syeikh Nazim dan tarekatnya. Beliau mengkritik mengenai dakwaan Syeikh Nazim bahawa Imam Mahdi akan muncul sewaktu hidupnya. Turut mengkritik dari kalangan PBNU ialah KH Azis Masyhuri, Pengerusi Rimbawan Muda Indonesia (RMI) menerusi bukunya Ensiklopedia 22 Aliran Tarekat dalam Tasawuf yang dilancarkan pada Jun 2012 (Makhasin 2015, 310-312).

Penentangan Dari Institusi Fatwa Malaysia

Tidak ketinggalan di Malaysia, walaupun Syeikh Nazim mempunyai hubungan rapat dengan Kerabat DiRaja Perak, Syeikh Nazim dan tarekatnya difatwakan sebagai sesat dan menyalahi pegangan akidah Ahlussunnah wal Jamaah. Dalam Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan Kali ke-48, 3 April 2000, para mufti bersetuju menyatakan:

“Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Syeikh Nazim bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam. Pengamal ajaran ini hendaklah segera bertaubat. b. Semua negeri dikehendaki memfatwa danewartakan bahawa tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Syeikh Nazim diharamkan dan tidak boleh diamalkan oleh umat Islam kerana ia bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.”

Lanjutan dari fatwa ini, beberapa negeri telah memfatwakan perkara yang sama seperti Wilayah Persekutuan (Fatwa yang diwarta pada 12 Dec, 2002) dan Negeri Kedah Darul Aman.

RUJUKAN

- al-Qubrusi, Mnazim Adil al-Haqqani. 1980. *Mercy Oceans*. T.tp: T.pt.
- al-Qubrusi, Mnazim Adil al-Haqqani. 1986. *Mercy Oceans' Rising Sun*. Konya, Turki: Sebat Offset Printers.
- al-Qubrusi, Mnazim Adil al-Haqqani. 1991. *Mercy Oceans' Emeralds of Eden*. Colombo: Peacock Printers.
- al-Qubrusi, Mnazim Adil al-Haqqani. 1997. *Defending Truth*. London: Zero Productions.
- al-Qubrusi, Mnazim Adil al-Haqqani. 2001. *Rubies of Resplendence*. Sri Lanka.
- al-Qubrusi, Mnazim Adil al-Haqqani. 2002. *In The Mystic Footsteps of Saints* Volume 1. Fenton: Naqshabandi Haqqani Sufi Order.
- al-Qubrusi, Mnazim Adil al-Haqqani. 2002. *In The Mystic Footsteps of Saints* Volume 2. Fenton: Naqshbandi Haqqani Sufi Order.
- al-Qubrusi, Mnazim Adil al-Haqqani. 2008. *Love*. Malaga, Spain: Publidisa.
- al-Qubrusi, Mnazim Adil al-Haqqani. 2012. *99 Drops From Endless Mercy Oceans (Selected Speeches by Syeikh Nazim)*. Sri Lanka
- al-Qubrusi, Mnazim Adil al-Haqqani. 2012. *Bridge to Eternity*. Gatesville: Naqshbandi-Muhammadi South Africa.

- Bruinessen, Martin Van. 1995. *Tariqat Naqsyabandiyyah di Indonesia*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Choiriyyah. 2009. *Refleksi Jalaluddin Rumi Terhadap Tari Mistis Sema Pada Tarikat Naqsyabandiyah Haqqani*. Jakarta: Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universiti Indonesia
- Kabbani, Hisham. tt. *Dzikir Mengingat Allah, Zikir Hati Naqsyabandi: The Teaching of Sufi Master Mawlana Sheikh Hisham Kabbani ar-Rabbani*. Haqqani Sufi Institute of Indonesia.
- Kabbani, Muhammad Hisham. 2004. *Classical Islam and The Naqshbandi Sufi Tradition*. Fenton: Islamic Supreme of Council America.
- Kabbani, Syeikh Muhammad Hisham. tt. *Silsilah Rantai Emas 1: Vol 1: Terjemahan Oleh Arief Hamdani et.al*. Jakarta: Rabbani Sufi Institute of Indonesia.
- Karakas, Cemal. 2007. *Turkey: Islam and Laicism Between The Interests of State, Politics and Society*. Frankfurt: Peace Research Institute Frankfurt .
- Makhasin, Luthfi. 2015. *The Politics of Contending Piety: Naqshabandi-Haqqani Sufi Movement and The Struggle for Islamic Activism in Contemporary Indonesia*. Australia: School of Culture, History and Language, College of Asia and the Pacific, The Australian National University.
- Netton, Ian Richard. 2000. *Sufi Ritual: The Parallel Universe*. British: Curzon Press.
- Sri Mulyati et.al. 2005. *Mengenal dan Memahami Tarikat-Tarikat Muktabarah di Indonesia*. Jakarta : Prenada Media.
- Sulistiana. 2008. *Berdiri dan Berkembangnya Tarekat Naqsyabandi Haqqani di Jakarta*. Jakarta: Fakultas Adab dan Humaniora UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Yayasan Haqqani Indonesia. t.t. Ahl Haq. Jakarta.
- al-Qubrusi, Mnazim Adil al-Haqqani. 1980. *Mercy Oceans: Book Two*. 1st Edition. Republic of Cyprus: The Cyprus Library.

Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman
Ph.D student,
e-mail: masyran.yayasan.waqaf@gmail.com

Mohd Haidhar Kamarzaman Ph.D.,
Senior Lecturer
email: haidhar@ukm.edu.my

*Kamarudin Salleh, Ph.D.,

Assoc. Professor
email: dins@ukm.edu.my

Centre for Akidah and Global Peace,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 BANGI, Selangor, Malaysia.